



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN	: PEGAWAI OPERASI (PEREKA GRAFIK)
Gred Jawatan	: Setara dengan Pegawai Tadbir Gred N41
Taraf Jawatan	: <i>Contract for Service (CFS)</i>
Pusat Tanggungjawab	: Pusat Komunikasi Korporat (CC)
Penempatan	: Ibu Pejabat MARDI
Gaji	: RM2,500.00 (Secara pukal)
Tempoh Perkhidmatan	: 12 Bulan
1. Syarat Lantikan	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atauii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atauiii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Seni Reka Grafik daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Syarat Kelayakan : Bahasa Melayu	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Bidang Tugas

: 1) Reka Bentuk Grafik

- Menguruskan perkhidmatan reka grafik untuk penerbitan dan acara rasmi MARDI.
- Mereka bentuk buku dan bahan pemasaran seperti poster, risalah, brosur, papan tanda dan iklan digital.
- Menghasilkan logo, identiti jenama dan elemen visual korporat.
- Menyunting imej atau grafik menggunakan perisian reka bentuk seperti Adobe Photoshop, Illustrator atau perisian berkaitan.
- Bertanggungjawab menasihati serta memberi cadangan kepada pelanggan dalam pemilihan warna, teks, visual dan sebagainya.
- Memastikan kualiti visual bahan memenuhi piawaian MARDI atau pelanggan.

2) Perancangan dan Pengurusan Kreatif

- Menyediakan konsep dan idea kreatif berdasarkan keperluan projek/acara.
- Membuat lakaran atau draf reka bentuk untuk dibentangkan kepada pelanggan.
- Mengurus jadual projek bagi memastikan semua tugas disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Berkommunikasi dengan pelanggan, pasukan pemasaran atau pihak berkepentingan lain untuk memastikan reka bentuk menepati objektif.
- Mengikuti perkembangan trend reka bentuk terkini.
- Mempelajari teknik dan teknologi baharu untuk meningkatkan kualiti hasil kerja.

3) Sokongan Acara dan Pemasaran

- Menyediakan bahan grafik untuk acara, promosi atau poster pemasaran penerbitan MARDI.
- Membantu dalam penyediaan bahan persempahanan seperti slaid PowerPoint atau video (jika perlu).
- Bekerjasama dengan pasukan pemasaran, produksi dan jabatan lain untuk mencapai matlamat organisasi.
- Menghadiri mesyuarat untuk mendapatkan input dan menyampaikan cadangan.

CARA MEMOHON:

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang **MDI.1 Pindaan 1/2013** dengan lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **secara pos, serahan tangan atau e-mel** ke alamat seperti di bawah:

Pengarah

Pusat Komunikasi Korporat (CC)
Aras Bawah Blok A5
Ibu Pejabat MARDI
Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
(u/p: En. Rahim bin Perman)

Alamat e-mel: ayim@mardi.gov.my, cc e-mel: fatin@mardi.gov.my

- ii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- iii) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan ini tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN: 05 MEI 2025 (ISNIN)

- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7212 / 7209.